

# KUASA SABAH DIKAJI SEMULA

J.M. 13 NOV 1974

**KUALA LANGAT**  
12 Nov. — Kerajaan Persekutuan tetap akan mengkaji kuasa-kuasa yang diberikan kepada Sabah sekalipun kerajaan negeri itu tidak mahu kajian itu dibuat.

Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kajian itu perlu kerana ia merupakan peruntukan yang telah ditetapkan dalam perjanjian kemasukan Sabah ke dalam Malaysia.

"Antara kajian yang akan kita lakukan ialah sekatan pergerakan kemasukan orang-orang Semenanjung ke Sabah dan beberapa perkara lain," katanya.

Beliau menyatakan demikian kepada para pemberita selepas merasmikan Kompleks Perindustrian dan Pengilangan Kertas Langat milik Genting Sanyon Sdn. Bhd. di sini hari ini.

Dr. Mahathir menegaskan

perkara itu ketika diminta mengulas kenyataan Ketua Menteri Sabah, Datuk Joseph Pairin Kitingan yang menolak cabaran UMNO untuk berdebat berhubung isu Perkara 20.

Dalam Perhimpunan Agung LJMNO Ahad lalu, Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba mencabar PBS untuk berdebat secara terbuka dengan UMNO berhubung Perkara 20 yang dibangkitkan oleh PBS.

## PBS takut

Menurut Dr. Mahathir, PBS sebenarnya takut untuk berdebat kerana jika UMNO mendedahkan kedudukan sebenar mengenai Perkara 20 itu, PBS tidak lagi boleh menghasut rakyat Sabah untuk membenci Kerajaan Pusat.

"Kita sebenarnya tidak mahu berdebat tetapi PBS yang memulakan dengan pergi ke kampung-kampung menghasut rakyat supaya membenci Kerajaan Pusat.

"Jadi apabila kita cabar mereka untuk berdebat, PBS takut perkara sebenar didedahkan, oleh itu mereka tidak mahu

LIHAT MUKA 2

# TETAP DR. M

# KUASA SABAH TETAP DIKAJI SEMULA — DR. M

13 NOV 1992

perkara ini diselesaikan," ujar beliau.

PBS takut untuk berdebat, kata Perdana Menteri, kerana selagi ada isu tersebut, selagi itulah mereka boleh menggunakan isu itu untuk kepentingan parti mereka.

Perdana Menteri juga ditanya mengenai kenyataan Pairin bahawa debat itu sepatutnya bukan melibatkan UMNO tetapi Kerajaan Pusat.

Dr. Mahathir menjawab: "Rakyat Sabah ada juga yang menjadi ahli UMNO tetapi kenapa PBS sahaja mahu mengkaji perkara itu, apakah orang UMNO tidak ada hak?"

Di samping itu katanya, jika Sabah hendak membuat pungutan suara, ia sepatutnya dibuat untuk seluruh negara kerana Sabah merupakan negeri di dalam Malaysia dan masalah negeri itu menjadi masalah negara, bukan Sabah sendiri.

"Sebenarnya, apabila kita bersatu ia bukan menjadi soal

Sabah sahaja malah semua rakyat negara ini berhak untuk mengambil bahagian," katanya.

Perdana Menteri juga mengulangi bahawa syarat kemasukan Sabah ke dalam Malaysia adalah lebih baik daripada negeri-negeri lain.

Oleh itu, katanya, dalam persekutuan seperti Malaysia, syarat-syarat kemasukan sepatutnya mestilah sama bagi semua negeri.

"Dulu, pada peringkat permulaan kemasukan Sabah, bolehlah kita beri pertimbangan, ini sudah lebih 25 tahun masih lagi kita menghadapi masalah yang sama," tambah beliau.

Beliau juga menolak cadangan Pairin supaya Kerajaan Pusat berdebat dengan kerajaan negeri kerana katanya, kerajaan boleh menyelesaikan perkara itu.

Beliau juga menyatakan, Kerajaan Pusat memberikan kuasa tertentu kepada Sabah semasa kemasukan mereka

dahulu kerana kerajaan sedar Sabah ketinggalan di dalam beberapa bidang.

Di samping itu katanya, kuasa itu diberikan bagi menjaga kepentingan Sabah.

"10 tahun diberikan kuasa itu tidak apalah, ini telah lebih 10 tahun, jadi kita harus kaji, itulah yang hendak kita buat," ujar Perdana Menteri.

Dr. Mahathir juga berkata, kini Kerajaan Sabah memberikan gambaran bahawa Kerajaan Pusat hendak menganiaya rakyat Sabah dengan mengatakan Kerajaan Pusat akan memaksa semua orang memeluk Islam dan juga cuba untuk membatalkan semua keputusan yang dibuat oleh kerajaan negeri itu sebelum ini termasuk meniadakan agama Islam sebagai agama rasmi negeri itu.

"Di Semenanjung, agama rasmi Islam juga, tapi kita tidak memaksa semua orang masuk Islam," ujarnya.